

05 JUN 2000

ASM-TAMBAH

PNB TAMBAH DANA ASM SATU BILION UNIT MULAI ESOK

KOTA BAHARU, 5 Jun (Bernama) -- Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini mengumumkan penambahan dana Amanah Saham Malaysia (ASM) sebanyak satu bilion unit lagi, menjadikan jumlah keseluruhan dana itu tiga bilion unit.

Ketua Eksekutif Kumpulan PNB Datuk Hamad Kama Piah Che Othman berkata pelabur yang ingin melabur dalam ASM boleh berbuat demikian di 1,300 ejen yang dilantik di seluruh negara mulai esok.

Sebelum ini ASM yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 20 April lalu membabitkan dua bilion unit telah habis dijual, katanya pada sidang media di sini hari ini.

Langkah PNB menambah dana ASM mulai esok bertujuan memberi peluang kepada mereka yang tidak sempat untuk melabur dalam ASM sebelum ini, katanya.

Hamad Kama Piah berharap bakal pelabur membuat pelaburan jangka panjang kerana setiap saham yang dikendalikan PNB dirangka untuk mendidik mereka dalam selok belok pasaran dan memperolehi keuntungan dalam jangka panjang.

Seramai 253,574 orang telah melabur dalam ASM lepas yang habis dijual hanya dalam masa 20 hari dan ia mencerminkan keyakinan umum terhadap pertumbuhan ekonomi Malaysia, katanya.

Menurutnya pelabur Selangor mencatatkan pelaburan paling besar melalui ASM yang lepas bernilai RM352 juta, diikuti Sarawak (RM318 juta), Wilayah Persekutuan (RM257 juta), Sabah (RM198 juta) dan Perak (RM168 juta).

Setakat ini PNB mengendalikan lima skim pelaburan amanah selain ASM iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Nasional Dua (ASN2), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW2020) dan Amanah Hartanah PNB, katanya.

-- BERNAMA

SM MA